



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

KAJIAN TENAGA KERJA (KTK)

LABOUR FORCE SURVEY (LFS)

2018



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI

KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2018

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan **Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2018** bagi Negara Brunei Darussalam bermula dari 15 Oktober hingga 11 November 2018.
2. Objektif utama Kajian Tenaga Kerja 2018 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.
3. Kajian Tenaga Kerja 2018 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Bab 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. JPKE ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga atau isirumah yang terpilih bagi kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.
4. Kajian Tenaga Kerja dikendalikan secara tahunan mulai tahun 2017. Bagi Kajian Tenaga Kerja 2018, JPKE akan melaksanakan penambahbaikan di dalam pengendalian kajian dengan menggunakan kaedah *Computer Assisted Personal Interview (CAPI)*, di mana pegawai kajian akan menggunakan *tablet* bagi

menggantikan borangtanya yang dicetak semasa mereka menjalankan temuduga bersemuka dengan keluarga terpilih. Kaedah CAPI ini akan dapat mengurangkan kos dan masa pengendalian kajian, di samping memudahkan pemerosesan data serta meningkatkan kualiti data secara amnya.

5. Kajian Tenaga Kerja 2018 akan melibatkan kira-kira 3,200 buah keluarga/isirumah terpilih sahaja di seluruh negara. Sepanjang tempoh kajian, pegawai-pegawai kajian yang dilantik akan mengunjungi rumah keluarga terpilih dan seterusnya menemuduga ketua dan setiap ahli keluarga untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.
6. JPKE telah melantik pegawai-pegawai kajian selaku penyelia dan penemuduga untuk menjalankan kerja-kerja luar bagi kajian ini. Keluarga terpilih adalah diingatkan supaya memastikan penemuduga yang datang membuat lawatan adalah pegawai kajian yang telah dilantik oleh JPKE melalui pas kajian, surat lantikan dan kad pengenalan mereka serta *vest* JPKE.
7. Hasil yang diperolehi melalui Kajian Tenaga Kerja 2018 akan dapat memberikan sumber maklumat yang penting bagi kegunaan perancangan sosio-ekonomi negara. Selain itu, hasil Kajian Tenaga Kerja ini juga boleh digunakan oleh pihak sektor swasta, akademia, penyelidik, penuntut dan orang ramai bagi keperluan dan kegunaan masing-masing.
8. Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua keluarga terpilih dalam memberikan maklumat yang tepat dan lengkap adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini.
9. Sebarang pertanyaan mengenai Kajian Tenaga Kerja 2018 ini bolehlah dirujuk ke JPKE seperti berikut:

Telefon	:	2230250 or 2230265 (waktu pejabat)
E-mel	:	<i>info.statistics@jpke.gov.bn</i>
Laman sesawang	:	<i>www.depd.gov.bn</i>



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT

LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2018

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Development (JPKE), will be conducting the **Labour Force Survey 2018 (LFS)** for Brunei Darussalam starting from 15 October to 11 November 2018.*
2. *The main objective of Labour Force Survey 2018 is to collect latest information on the size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force.*
3. *Labour Force Survey 2018 is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. JPKE would like to assure the selected households that the information collected during the survey will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only.*
4. *The Labour Force Survey is conducted on an annual basis starting from 2017. For the Labour Force Survey 2018, JPKE will implement the Computer Assisted Personal Interview (CAPI) approach to improve the survey operations, whereby the survey officers will be using tablets instead of printed questionnaires during the face-to-face interview of selected households. The CAPI approach will help to reduce the cost and*

time taken for the survey operations, as well as to facilitate data processing and improve data quality in general.

5. *The Labour Force Survey 2018 will involve around 3,200 selected households only throughout the country. During the survey period, the appointed survey officers will visit the selected households to interview the head and each member of the household in order to collect the required information.*
6. *JPKE has appointed survey officers as supervisors and interviewers to undertake the field work for the survey. Selected households are reminded to ensure that the interviewers visiting their premises are those appointed by JPKE through their survey passes, appointment letters, identity cards and JPKE vest.*
7. *Results from the Labour Force Survey 2018 will provide an important source of information for national socio-economic planning. Apart from that, the Labour Force Survey results may also be used by the private sector, academia, researchers, students and the public for their respective needs and purposes.*
8. *Hence, the support and co-operation from all selected households in providing correct and complete information are essential for the success of the survey.*
9. *For any enquiries regarding the Labour Force Survey 2018, please refer to JPKE as follows:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2230250 or 2230265 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpke.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>www.depd.gov.bn</i>